## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 13 JANUARI 2025

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MAMPU HASILKAN 4 TAN METRIK BAWANG, NASIONAL, SH -9 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2.<br>3.<br>4.<br>5. | TULAR VIDEO SUMBAT KUCING DALAM GUNI: POLIS SAHKAN TERIMA 2 LAPORAN, BH -ONLINE<br>AFRICAN SWINE FLU FOUND AMONG VILLAGE PIGS IN KENINGAU, SAYS SABAH DCM, THE BORNEO POST -ONLINE<br>VIRUS DEMAM BABI AFRIKA DIKESAN DI SABAH, DALAM NEGERI, UM -14<br>LANGGAR TERNAKAN KERAP BERLAKU DI FELDA, DALAM NEGERI, UM -14 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 6. | LKIM MELAKA SASAR BINA, BAIK PULIH RUMAH NELAYAN LIBAT PERUNTUKAN RM520,000, BERNAMA -ONLINE | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 7. | LINDUNGI HASIL LAUT NEGARA DARIPADA DIROMPAK, NASIONAL, SH -13 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/1/2025 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Mampu hasilkan 4 tan metrik bawang



Mohamad (dua dari kanan) dan Muhamad Khairil (tengah) menunjukkan proses sebelum Bawang Rose Ehsan dijual di pasaran.



Bawang Rose Ehsan yang telah dituai sedia untuk dijual.

## Pengeluaran Bawang Rose Ehsan tingkat keupayaan pengeluaran dalam negara

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Projek tanaman Bawang Rose Ehsan yang dilaksanakan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mampu menghasilkan pengeluaran empat tan metrik bawang bagi setiap 0.4 hektar tanah.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Muhamad Khairil Mohamad Razi berkata, hasil pengeluaran itu menunjukkan potensi tinggi dalam tanaman berkenaan.

Beliau berkata, projek itu merupakan salah satu inisiatif PKPS yang diuruskan anak syarikatnya, Selangor Solution Sdn Bhd di tanah seluas 10 hektar.

"Bawang adalah komoditi penting dalam industri makanan dan merupakan bahan asas dalam setiap hidangan rakyat di negara ini," katanya ketika berucap semasa Lawatan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu ke Projek Tanaman Bawang Rose Ehsan PKPS di Bestari Jaya di sini pada Sabtu.

Projek Tanaman Bawang Rose Ehsan melibatkan penggunaan benih varieti bangalore rose onion dari India yang terkenal dengan kualiti tinggi dan daya tahan terhadap penyakit.

Muhamad Khairil memberitahu, pada masa ini negara masih bergantung kepada import bawang dari negara lain seperti India, Pakistan dan China bagi memenuhi permintaan domestik.

Sehubungan itu katanya, usaha PKPS itu amat penting bagi mengukuhkan keterjaminan makanan negara.

"Pengeluaran Bawang Rose Ehsan ini diharap dapat meningkatkan keupayaan pengeluaran dalam negara sekali gus mengurangkan tekanan kepada imbangan dagangan makanan negara," ujarnya.

Beliau memberitahu, harga semasa Bawang Rose Ehsan di Selangor Fruit Valley sekitar RM6 sekilogram berbanding harga bawang import yang mencecah RM6.50 hingga RM11 sekilogram di beberapa negeri seperti Terengganu, Johor dan Pulau Pinang.

"Melalui projek ini, Selangor dapat menawarkan harga lebih kompetitif seterusnya membantu pengguna tempatan mengurangkan kos sara hidup," jelasnya.

Kata beliau, projek itu bukan sahaja meningkatkan pengeluaran bawang tempatan tetapi juga membuka peluang pekerjaan baharu khususnya dalam bidang agroteknologi.

"Projek ini merupakan simbol transformasi pertanian Selangor ke arah lebih pintar dan mampan.

"Selangor terus menjadi pelopor dalam memastikan kelestarian sekuriti makanan negara," katanya.

Sementara itu, Mohamad Sabu berkata, Malaysia mengimport sepenuhnya bawang dan menjadi antara negara pengimport utama di dunia.

Beliau memberitahu, negara mengimport sebanyak 484,867 tan metrik pada nilai RM902.5 juta pada tahun 2021 bagi memenuhi permintaan pengguna.

"India menjadi pembekal bawang terbesar di negara ini diikuti China dan Pakistan," ujarnya.

Beliau berkata, usaha yang dilaksanakan PKPS itu wajar dipuji kerana menjayakan program tanaman bawang.

"Projek tanaman bawang ini turut mengaplikasikan gabungan teknologi moden *Internet of Things* (IoT) untuk meningkatkan produktiviti hasil pertanian negara," jelas beliau.



Sebahagian pekerja menuai hasil Bawang Rose Ehsan PKPS.



Muhamad Khairil (kanan) dan Mohamad (kiri) menunjukkan pengeluaran bawang di PKPS Bestari Jaya pada Sabtu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/1/2025 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Tular video sumbat kucing dalam guni: Polis sahkan terima 2 laporan



Tangkap layar video tular menunjukkan sekumpulan lelaki memasukkan beberapa kucing ke dalam guni di sebuah pangsapuri di Batu 9, Cheras semalam.

KUALA LUMPUR: Sekumpulan lelaki dirakam menangkap beberapa ekor kucing di kawasan sebuah pangsapuri di Batu 9 Cheras, dekat Kajang sebelum haiwan itu dimasukkan ke dalam guni.

Video rakaman berdurasi 38 saat mengenai tindakan kumpulan lelaki terbabit tular di media sosial, turut memaparkan guni berisi kucing yang ditangkap itu kemudiannya dimuatkan ke dalam kereta dipercayai untuk dibuang di lokasi lain.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof, mengesahkan menerima maklumat mengenai video tular itu, dengan dua laporan polis turut diterima pihaknya berkaitan kejadian terbabit.

"Kita mengesahkan menerima laporan mengenai kejadian ini pada jam 10.58 malam, 11 Januari lalu (semalam).

"Siasatan juga mendapati terdapat satu lagi laporan polis yang turut dibuat iaitu menafikan perbuatan menganiaya dan mendera haiwan tersebut daripada wakil sekumpulan lelaki yang dirakamkan dalam video berkenaan.

"Mereka adalah Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk di pangsapuri berkenaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Naazron berkata, semakan lanjut mendapati pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga mendapat maklumat dan aduan yang sama.

"Susulan itu, polis menyerahkan siasatan kes ini kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan sedang diambil tindakan oleh pihak terbabit di bawah peruntukan Akta Kebajikan Haiwan 2015," katanya.

Beliau menasihatkan orang ramai tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang sedia ada di negara ini termasuk perbuatan penganiayaan terhadap haiwan atau mana-mana binatang peliharaan.

Hukuman ini jika disabit kesalahan boleh dihukum di bawah peruntukan Akta Kebajikan Haiwan 2015.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/1/2025 | THE BORNEO POST | ONLINE | |

# African Swine Flu found among village pigs in Keningau, says Sabah DCM



*The price of pork in Sarawak has been on the rise, also due to reduced live pigs for slaughter.*

KOTA KINABALU (Jan 12): A recurrence of the African Swine Flu (ASF) has been found among village pigs in Keningau, said Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan.

The Agriculture, Fisheries and Food Industry Minister said the case was detected on Jan 7, involving a village pig farmer.

"A total of 12 pigs out of 20 in the farmer's herd were affected," Jeffrey said in a statement today.

The Deputy Chief Minister I said the Department of Veterinary Services (DVS) Keningau conducted disposal and movement control of pigs at the farm.

"This discovery has changed Keningau's status from a green zone (recovery zone) back to a red zone (infected zone)," Jeffrey said.

According to him, field investigations revealed that the pigs exhibited clinical signs such as reduced appetite, lethargy, nasal discharge, and eventual death.

"Samples were collected, tested, and confirmed positive for ASF."

Jeffrey said rapid control actions were taken by DVS in accordance with Section 45(2) of the Animal Enactment 2015.

"These actions included imposing movement restrictions on pigs and pig products from the Keningau district, enhancing active and passive surveillance across Sabah to prevent the spread of the disease and advising farmers to strengthen farm and pen biosecurity measures."

He said DVS is also prohibiting farmers from feeding uncooked kitchen waste to pigs or visiting infected pens or farms, as well as advising farmers not to purchase live pigs or pork from unknown or unverified sources.

"ASF is caused by the ASF virus pathogen. It infects pigs through direct contact with ASF-infected pigs or indirectly through contact with contaminated equipment or handlers.

"The public, especially pig farmers and farm operators, are urged to report incidents of sick or dying pigs to the nearest DVS office for immediate action to contain the disease promptly."

Jeffrey said the ministry, through DVS, assures that the pork supply for the upcoming Chinese New Year celebrations is sufficient, sourced from local pig farms in Kota Kinabalu, Sandakan and Tawau.

Previously, Keningau was declared an ASF-infected district on July 1, 2021. Currently, no new cases have been detected among wild boars. All commercial pig farms in Tawau, Sandakan, Tenom, Papar, Tuaran and Penampang remain ASF-free.

It is emphasised that ASF only affects pigs and is not zoonotic. Therefore, the public should not worry about ASF affecting human health.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/1/2025 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 14 |

# Langgar ternakan kerap berlaku di Felda

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI
utusannews@mediamulia.com.my

## Haiwan ternakan 'bunuh' 109 pengguna jalan raya

UTUSAN Malaysia 11 Januari 2025.

5.2 juta murid terima BAP

**KUANTAN:** Kemalangan melibatkan haiwan ternakan bukan sahaja berlaku di lebuh raya-lebuh raya seperti Lebuhraya Pantai Timur (LPT) dan Lebuhraya Pantai Timur 2 LPT2) malah sering terjadi di kawasan Felda.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chini, Mohd. Sharim Md. Zain berkata, agensi berkenaan perlu lebih proaktif memantau dan menguatkuasakan pendaftaran penternak haiwan ternakan di kawasan tanah rancangan bagi mengatasi isu kemalangan membabitkan haiwan ternakan yang semakin meningkat di situ.

"Isu ternakan berkeliaran ini sudah lama berlarutan.Tetapi saya lihat akhir-akhir ni haiwan ternakan ini semakin banyak. Saya rasa sudah sampai masa pihak pengurusan Felda uruskan penternak di bawah Felda ini agar aktiviti ternakan dapat diselaraskan dengan baik.

"Bulan lepas sahaja ada dua kematian akibat langgar lembu di sini. Saya anggarkan dalam tempoh November sehingga Disember tahun lalu, tak kurang 15 kemalangan termasuk kemalangan kecil melibatkan langgar lembu yang dilaporkan berlaku. Malangnya sukar nak menentukan pemilik haiwan ternakan yang terlibat," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sabtu lalu, akhbar ini melaporkan, seramai 109 pengguna jalan raya maut di seluruh negara disebabkan haiwan peliharaan atau ternakan sepanjang tahun lalu.

Dalam tempoh tersebut, sebanyak 14,560 kes kemalangan membabitkan haiwan liar, haiwan peliharaan dan ternakan dicatatkan di seluruh negara dengan 13,877 kes kemalangan menyebabkan kerosakan kepada kenderaan dan daripada jumlah itu, selain kematian, sebanyak 30 kes kemalangan melibatkan kecederaan parah dan 544 kes lagi cedera ringan.

Lebih membimbangkan, laluan-laluan utama penduduk di Pantai Timur termasuk LPT2 dan di jajahan Gua Musang yang merupakan pintu masuk ke Terengganu serta Kelantan, terus menjadi 'perangkap maut' kepada pengguna jalan raya kerana masalah berkenaan.

Justeru, Mohd. Sharim mencadangkan supaya haiwan ternakan didaftarkan dengan menggunakan kaedah yang membolehkannya mudah dikenal pasti.

"Selain penguatkuasaan dari segi tangkapan, ternakan ini perlu didaftarkan dengan menggunakan kaedah terbaharu penjenamaan agar senang dikenal pasti. Apabila terjadinya kemalangan, kita dapat kenal pasti pemilik yang tidak bertanggungjawab ini," katanya.

Menurut beliau, sebelum ini dia ada mencadangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar agar mewujudkan kumpulan sukarelawan untuk menangkap haiwan ternakan berkeliaran, namun dimaklumkan ia tidak dapat dilakukan kerana kekangan undang-undang.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Pahang akan menjalankan satu operasi khas secara besar-besaran pada tahun ini bagi mengekang haiwan ternakan berkeliaran terutama di jalan raya.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan negeri Pahang, Datuk Seri Ir. Mohd. Soffi Abd Razak berkata, tindakan kompaun minimum RM500 bagi setiap ekor haiwan ternakan yang ditangkap boleh dikenakan kepada penternak.

"Kita sudah beri nasihat kepada penternak. Responnya tidak memberangsangkan dan kejadian-kejadian termasuk kemalangan berlaku. Kerajaan negeri terpaksa mengambil tindakan.

# Virus demam babi Afrika dikesan di Sabah

**KOTA KINABALU:** Keningau diisytiharkan sebagai zon merah susulan penyakit demam babi Afrika (ASF) dikesan semula di daerah berkenaan pada 7 Januari lalu.

Setakat ini, sebanyak 12 daripada 20 ekor babi kampung telah dilupuskan.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Dr. Jeffrey Kitingan berkata, setakat ini satu kes telah dikesan di Keningau dan pelupusan serta kawalan pergerakan babi di ladang ternakan berkenaan telah dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Keningau.

Beliau yang juga Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah berkata, berdasarkan siasatan lapangan, ternakan babi tersebut menunjukkan tanda-tanda klinikal seperti kurang selera makan, lemah, hidung berair dan akhirnya mati.

"Sampel telah diambil, diuji dan keputusan makmal adalah positif terhadap penyakit ASF. Tindakan kawalan pantas telah diambil oleh pihak DVS selaras dengan arahan di bawah Subseksyen 45(2) Enakmen Haiwan 2015 dengan mengenakan sekatan kawalan pergerakan babi dan produk babi daripada daerah Keningau.

"Melakukan pengawasan aktif dan pasif di seluruh Sabah bagi memastikan penyakit ini tidak menular. Di samping itu, penternak dinasihatkan untuk mempertingkat biosekuriti ladang dan kandang menternak," katanya dalam kenyataan semalam.

> **"Sampel telah diambil, diuji dan keputusan makmal adalah positif terhadap penyakit ASF."**
>
> JEFFREY KITINGAN

Orang awam terutama penternak dan pengusaha ladang babi justeru dinasihatkan untuk melaporkan kejadian babi sakit atau mati yang berlaku berterusan kepada mana-mana pejabat DVS terdekat untuk tindakan segera agar penyakit dapat dikawal dengan kadar segera.

Jeffrey berkata, Keningau pernah diisytihar daerah dijangkiti ASF pada 1 Julai 2021 namun tiada kes terbaharu dikesan pada babi hutan.

Semua ladang babi komersil di Tawau, Sandakan, Tenom, Papar, Tuaran dan Penampang juga menurutnya masih bebas penyakit ASF.

"Sekali lagi diingatkan bahawa ASF hanya menjangkiti ternakan babi sahaja dan tidak bersifat zoonotik yang boleh menjangkiti manusia. Masyarakat tidak perlu risau akan kesan ASF terhadap kesihatan manusia," katanya.

BERNAMA

Malay

taip untuk carian




**AM › BERITA**

# LKIM Melaka Sasar Bina, Baik Pulih Rumah Nelayan Libat Peruntukan RM520,000

12/01/2025 04:00 PM




Kredit: LKIM Melaka

ALOR GAJAH, 12 Jan (Bernama) -- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Melaka menyasarkan membina baharu dan membaik pulih 10 rumah menerusi Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) tahun ini dengan peruntukan berjumlah RM520,000.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh berkata projek membangunkan penempatan semula itu membolehkan keluarga nelayan menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa.

"Bantuan ini diberikan kepada nelayan yang berpendapatan rendah di bawah tiga komponen utama PKPN iaitu baik pulih, bina baharu dan penempatan semula rumah nelayan.



"Pada 2024 LKIM telah menerima 10 permohonan untuk baik pulih rumah nelayan dan kesemuanya telah siap dibaik pulih dengan kos RM130,000 untuk seluruh Melaka," katanya di sini hari ini.

Terdahulu beliau menyantuni Mamat Yusof, seorang nelayan yang menerima bantuan baik pulih rumah di bawah program PKPN di Teluk Gong sempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) Dewan Undangan Negeri Kuala Linggi.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LKIM Rashima Baharuddin.




Muhamad Akmal berkata LKIM sentiasa memainkan peranan proaktif sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi nelayan.

Beliau berkata tumpuan akan terus diberikan kepada peningkatan pendapatan nelayan dan memajukan perusahaan perikanan negara di samping memastikan bekalan ikan mencukupi.

"Selain itu pelbagai jenis bantuan seperti bantuan peningkatan peralatan tangkapan ikan (touchpoint), bantuan bencana dan lain-lain akan diteruskan sebagai keprihatinan kepada kebajikan golongan nelayan," katanya.

-- BERNAMA

*BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9*

